

NEGARA ISLAM

Keadilan dalam Lapangan Ekonomi dan Politik

Salah satu dasar yang utama bagi sebuah negara Islam ialah keadilan dalam lapangan iktisad. Kalau orang terkenang akan faham sosialisme yang menuntut persamaan hak dalam penghidupan dan suatu susunan iktisad yang adil untuk segala lapisan rakyat, maka terkenanglah kita bahawa teori yang demikian sudah terlebih dahulu diajarkan oleh Islam dengan cara-cara yang lebih mendalam. Dasar keadilan dalam iktisad ini adalah menjiwai binaan masyarakat Islam, yang di dalamnya tidak seorang pun dibiarkan hidup terlantar atau dipersia-siakan hidupnya.

(Pati buah ilham *al-Ustādh* Zainal Abidin Ahmad)

Di dalam surah al-Nisā', ayat 135, Allah 'azza wa jalla

berfirman (maksudnya):

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu

menjalankan keadilan terus-menerus dan menjadi

saksi kerana Allah, sekalipun atas diri kamu

sendiri ataupun atas ibu bapa dan keluarga

kamu. Jika ia (yang ditimbangkan perkaranya itu) kaya

atau miskin (maka jalankanlah perkaranya itu dengan

adil) kerana Allah lebih awla dengan keduanya (keadaan si

kaya dan si miskin itu menimbang dan menentukan

hak mereka), janganlah kamu menurut nafsu daripada

berlaku adil, dan jika kamu memutarakan (lidah kamu

daripada berkata benar) atau berpaling (daripada berlaku adil),

maka sesungguhnya Allah amat mengetahui akan apa yang kamu

kerjakan.”

Tentang ini juga Nabī pernah bersabda (maksudnya):

“Belum beriman seseorang kamu, sebelum dia

mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya

sendiri.”

Keadilan dalam lapangan iktisad didampingi oleh

semangat “cinta-mencintai” dan “suka berkorban”.

Jika ketiga-tiganya dipadukan, akan menimbulkan

“persatuan” dan “kerjasama” di dalam lapangan

iktisad.

Susunan Ekonomi Islam

Amatlah lanjut kalau kita hendak menghuraikan

susunan iktisad atau ekonomi Islam yang berdasarkan

keadilan ini. Suatu masyarakat yang anggotanya masing-masing

sangat berhati-hati menjaga jangan sampai dia merugikan

orang lain di dalam soal mata benda dan akhlak, kerana

menjunjung tinggi akan dasar keadilan di dalam negaranya.

Ambillah suatu contoh sahaja, riwayat Sa'īd ibn

Abī Manṣūr, Abū Bakar ibn Abī Shaybah dan al-Bayhaqī

tentang diri 'Abd Allāh ibn 'Umar (anak Saiyidinā 'Umar ibn

al-Khaṭṭāb – Khalifah Islam yang kedua). 'Abd Allāh menyatakan

bahawa ia pernah membeli seekor unta yang digembalokannya

di tanah yang subur, sehingga unta itu gemuk. Pada

suatu hari, unta itu dibawanya ke pasar hendak

dijual. Kebetulan ayahnya – Saiyidinā 'Umar – pada ketika

itu pergi ke pasar dan ternampak unta itulah yang lebih

gemuk dari unta-unta yang lain. Beliau pun menghampiri

unta itu sambil bertanya:

“Kepunyaan siapakah unta ini?”

“Kepunyaan putera khalifah, 'Abd Allāh”, jawab orang

banyak. Beliau pun menghampiri puteranya sambil berkata:

“Hai 'Abd Allāh, putera Khalifah.”

“Saya, ya *Amīr al-Mu'minīn*.”

“Dari manakah kamu dapat unta ini?”

“Unta ini pada mulanya saya beli, kemudian saya

gembalakan di tempat yang subur, sehingga dia gemuk

seperti yang ada sekarang. Hari ini saya hendak

menjualnya, sebagaimana orang-orang Islam yang lain berhak

melakukannya.”

“Itu betul” kata Saiyidinā 'Umar, “tetapi

semua orang nampaknya mengatakan bahawa unta ini ialah

unta anak Khalifah, dan mereka berkata: Berilah makan

atau minum kepada unta kepunyaan putera Khalifah”.

Saiyidinā 'Umar berkata demikian dengan perasaan yang

sangat kesal, kerana tidaklah adil kalau unta itu

gemuk disebabkan orang menghormati putera Khalifah. Akhirnya

Saiyidinā 'Umar berkata:

“Hai 'Abd Allāh, juallah segera untamu ini,

ambillah modal pembelian kamu dahulu, manakala wang

selebihnya yang menjadi keuntungan hendaklah kamu serahkan

kepada *Bayt al-Māl* – menjadi milik negara dan umat

Islam seluruhnya.”

Dari percakapan dan soal jawab itu, kepala

negara Islam, Saiyidinā 'Umar ibn al-Khaṭṭāb memandang bahawa

keuntungan yang didapati oleh puteranya 'Abd Allāh, kerana dia

seorang putera Khalifah, adalah suatu pelanggaran terhadap

dasar keadilan dalam lapangan ekonomi.

Banyak contoh yang boleh dikemukakan dalam hal

yang sedemikian ini.

Keadilan dalam Lapangan Politik

Keadilan dalam lapangan politik ialah salah satu

dasar yang penting pula. Bahagian ini ialah yang utama

menjadi perbincangan kita di sini. Adapun pokok

yang asal dalam hal ini, ialah ayat suci – 59,

Surah al-Nisā' – yang bermaksud:

“...dan apabila kamu menghukum di antara

manusia, maka jatuhkanlah hukuman dengan adil...”

Berdasarkan segala keterangan-keterangan agama mengenai soal

keadilan dalam lapangan politik ini, dasar keadilan

adalah selamanya didampingi oleh kebebasan (*hurriyyah*) dan

persamaan (*musāwāh*). Jika ketiganya dipadukan, dia

merupakan hukum “demokrasi” yang setinggi-tingginya.

Menurut Shaykh Muhammad Abduh, banyak jalan untuk melakukan keadilan politik ini. Pada umumnya dapat dibahagi kepada dua macam:

1. Dalam pemerintahan dan ini dijalankan oleh:
(1) Pemerintahan umum, (2) pengadilan.
2. Menghakimi masyarakat bersama, baik dalam pergaulan antara seorang dengan seorang, mahupun dalam pergaulan bangsa-bangsa, antara negara dengan negara.

Adapun dasar keadilan yang sungguh nampak keluar, yang sentiasa menjadi tumpuan segala mata orang, ialah soal pengadilan di dalam negara. Umumnya tiap-tiap negara ada mempunyai badan-badan pengadilan dari daerah-daerah membawa ke ibu negeri, dengan diawasi oleh sebuah badan tertinggi yang dinamakan "Mahkamah Tinggi". Mahkamah inilah yang bertugas mengumpulkan segala undang-undang dan peraturan negara.

Memang berat tanggungjawab seorang hakim dalam memegang timbangan keadilan. Di dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh al-Dāruqūṭnī, al-Ṭabrānī dan al-Bayhaqī, bahawa Nabī (S.A.W.) bersabda (maksudnya):

"Seseorang yang dipilih memegang kehakiman dalam kalangan kaum Muslimin, hendaklah berlaku adil di dalam segala-galanya: Adil dalam pandangan matanya, dalam isyaratnya, kerusi tempat duduknya, dan majlis persidangannya. Dia tidak boleh menengking kepada salah seorang yang dibicarakan perkaranya, sedang yang lain tidak."

Demikianlah beratnya syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh seorang hakim, sehingga Nabī pernah bersabda menurut riwayat Imām Aḥmad (maksudnya):

"Seseorang yang diangkat menjadi hakim di antara manusia, adalah sebagai seorang yang disembelih hidup-hidup dengan tidak memakai pisau."

Dalam zaman Nabī, pernah seorang sahabat menawarkan diri supaya dipilih menjadi hakim. Orang itu Abū Dharr al-Ghifārī. Lalu baginda berkata kepadanya:

"Wahai Abū Dharr! Engkau seorang yang berhati lemah, sedang jawatan itu ialah suatu amanah. Pada hari kiamat kelak, jawatan itu akan menjadi suatu kehinaan dan penyesalan, kecuali kalau orang yang memegangnya dengan memenuhi segala hak-haknya dan menunaikan segala kewajibannya."

Demikian gambaran ringkas dari dasar keadilan yang menjadi salah satu dasar yang utama bagi sesebuah negara.



Ubat beranak yang mahsyur ini sangat digemari oleh ibu-ibu yang beranak di serata Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Siam.

Dengan menggunakan ubat ini **tak payah berdiang – tak payah bersalai**, badan sentiasa sihat dan segar.

Sekotak \$15.50 cukup untuk penggunaan sekali beranak. Tambah belanja pos 60 sen.

YAHYA ARIFF

37, Jalan Kangsar, Kuala kangsar.